



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld.2 (18)

Tarikh : 20 November 2019

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 6 TAHUN 2019:
KEMUDAHAN CUTI KEAGAMAAN KEPADA STAF BUKAN BERAGAMA ISLAM
DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Jabatan Pendaftar ini bertujuan memaklumkan **Kemudahan Cuti Keagamaan kepada Staf Bukan Beragama Islam di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.**

2.0 PENGENALAN

Kemudahan Cuti Keagamaan ini adalah merupakan Cuti Tanpa Rekod yang diberikan untuk pegawai di UPNM yang bukan beragama Islam mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.

3.0 PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN

3.1 Pelaksanaan kemudahan Cuti Keagamaan ini adalah seperti berikut:

- (a) Cuti Keagamaan adalah bagi maksud mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam dan luar negara mengikut agama dan kepercayaan masing-masing;
- (b) Cuti Keagamaan merupakan cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada pegawai UPNM yang bukan beragama Islam dan **dilantik secara tetap**;
- (c) Cuti Keagamaan tertakluk kepada maksimum tujuh (7) hari, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
- (d) Perkiraan tujuh (7) hari bagi maksud aktiviti keagamaan bermula dari tarikh penerbangan/perjalanan sebenar dibuat bagi mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam atau luar negara. Sekiranya tarikh penerbangan/perjalanan bermula pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, maka perkiraan tujuh (7) hari akan bermula pada hari bekerja berikutnya;
- (e) Sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi tujuh (7) hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji atas urusan persendirian, tertakluk pada kelayakan cuti pegawai;
- (f) Cuti Keagamaan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan (oneoff), yang meliputi perkhidmatan di bawah semua

Pihak Berkuasa Melantik. Sekiranya tempoh cuti yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke hadapan; dan

- (g) Bagi tujuan mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di luar negara, pegawai perlu mematuhi nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah bersetuju agar tarikh pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2018 pada **1 Januari 2019**.

5.0 PUNCA KUASA / RUJUKAN

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2018.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bilangan 1 Tahun 2019.
- iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah (LPU) UPNM Kali Ke-38 Bilangan 2 Tahun 2019.

6.0 PENUTUP

Kemudahan ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi / badan melantik yang baharu.

Sekian, terima kasih.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,


SARINA BINTI ABDUL RANI
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

